

# PENGARUH KEPIMPINAN LESTARI GURU BESAR TERHADAP AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR

## *THE INFLUENCE OF HEADMASTERS' SUSTAINABLE LEADERSHIP ON PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY PRACTICES AMONG PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN KUALA LUMPUR*

Muhamad Zahir bin Abu Bakar<sup>1\*</sup>  
Mahaliza binti Mansor<sup>2</sup>  
Kamarulshahrizat bin Muhamad Razali<sup>3</sup>  
Abg Mohd Shukri bin Abg Muis<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (E-mail: mzahirukm@gmail.com.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia (E-mail: mahaliza@fpe.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (E-mail: ejatcmis@gmail.com.my)

<sup>4</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (E-mail: amsam88@gmail.com.my)

\*Corresponding author: mzahirukm@gmail.com.my

### Article history

**Received date** : 16-5-2026  
**Revised date** : 17-5-2026  
**Accepted date** : 2-6-2026  
**Published date** : 11-6-2026

### To cite this document:

Abu Bakar, M. Z., Mansor, M., Muhamad Razali, K., & Abg Muis, A. M. S. (2026). Pengaruh kepemimpinan lestari guru besar terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional guru sekolah rendah di Kuala Lumpur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 251 – 258.

**Abstrak:** *Kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk budaya organisasi yang menyokong pembangunan profesional guru. Kajian ini dijalankan untuk meneliti pengaruh kepemimpinan lestari guru besar terhadap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) guru sekolah rendah di Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan keratan rentas melibatkan seramai 380 orang guru sekolah rendah di Kuala Lumpur yang dipilih melalui kaedah pensampelan rawak mudah. Data kajian ini dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan lestari guru besar dan Tahap amalan PLC guru berada pada tahap tinggi. Seterusnya, analisis regresi stepwise membuktikan bahawa lima dimensi kepemimpinan lestari menjadi peramal signifikan terhadap amalan PLC.*

**Kata Kunci:** *Kepimpinan Lestari, Komuniti Pembelajaran Profesional, Pengaruh, Guru Besar.*

**Abstract:** *School leadership plays an important role in shaping an organisational culture that supports teachers' professional development. This study was conducted to examine the influence of headmasters' sustainable leadership on the Professional Learning Community (PLC) practices of primary school teachers in Kuala Lumpur. This study employed a quantitative cross-sectional survey design involving 380 primary school teachers in Kuala Lumpur who were selected using simple random sampling. The data were analysed using SPSS version 27.0. The findings show that the level of headmasters' sustainable leadership and the level of teachers' PLC practices were high. Furthermore, stepwise regression analysis demonstrated that five dimensions of sustainable leadership were significant predictors of PLC practices.*

**Keywords:** *Sustainable Leadership, Professional Learning Community, Influence, Headmaster.*

---

## Pengenalan

Kepimpinan sekolah merupakan faktor utama yang menentukan hala tuju, budaya serta keberkesanan sesebuah institusi pendidikan. Dalam konteks pendidikan abad ke-21, peranan guru besar bukan sahaja tertumpu kepada aspek pentadbiran, tetapi turut merangkumi tanggungjawab untuk memastikan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan guru. Hal ini penting memandangkan guru merupakan agen utama yang menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Seiring dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kepimpinan yang mampan dan berfokuskan kelestarian amat diperlukan bagi menjamin kualiti pendidikan negara sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Konsep kepimpinan lestari yang diperkenalkan oleh Hargreaves dan Fink (2006) menekankan kepimpinan yang berterusan, inklusif dan berasaskan nilai dengan menitikberatkan kelangsungan impak positif terhadap warga sekolah dan komuniti. Kepimpinan ini tidak hanya melihat kejayaan jangka pendek, tetapi menekankan kesinambungan perubahan positif yang memberi manfaat jangka panjang. Dalam konteks sekolah rendah, kepimpinan lestari guru besar dilihat mampu menyokong budaya kolaborasi, inovasi serta daya tahan organisasi dalam menghadapi cabaran pendidikan yang semakin kompleks.

Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran ialah Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC). PLC merujuk kepada amalan kolaboratif dalam kalangan guru untuk berkongsi visi, membina kapasiti profesional, menjalankan refleksi berterusan serta mengaplikasikan pengetahuan baharu dalam bilik darjah (Hord, 1997; DuFour, 2004). PLC terbukti mampu meningkatkan keberkesanan guru, memperkukuh sokongan emosi dan profesional, serta memberi kesan langsung kepada pencapaian murid. Namun begitu, keberkesanan pelaksanaan PLC amat bergantung kepada sokongan, dorongan dan kepimpinan guru besar yang berkesan.

Dalam konteks Malaysia, beberapa inisiatif seperti pengukuhan PLC di sekolah telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyokong aspirasi PPPM. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PLC masih menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekangan masa, tahap komitmen guru dan gaya kepimpinan yang tidak konsisten. Justeru, kepimpinan lestari yang diamalkan oleh guru besar diyakini menjadi faktor penentu yang boleh memacu keberkesanan

PLC di sekolah rendah khususnya di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur yang mempunyai kepelbagaian demografi, cabaran kerja dan tuntutan akademik yang tinggi.

Meskipun terdapat kajian lepas yang meneliti hubungan antara kepimpinan dengan PLC, masih terdapat jurang penyelidikan khusus berkaitan pengaruh kepimpinan lestari terhadap amalan PLC dalam konteks sekolah rendah di Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti sejauh mana kepimpinan lestari yang diamalkan oleh guru besar memberi pengaruh terhadap pelaksanaan amalan PLC guru sekolah rendah di Kuala Lumpur. Kajian ini bukan sahaja dapat memberikan sumbangan terhadap ilmu kepimpinan pendidikan, malah turut menawarkan implikasi praktikal kepada pengurusan sekolah dalam usaha memperkukuh keberkesanan PLC.

Secara khusus, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap kepimpinan lestari guru besar sekolah rendah di Kuala Lumpur.
2. Mengenal pasti tahap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dalam kalangan guru sekolah rendah di Kuala Lumpur.
3. Mengenal pasti sejauh mana kepimpinan lestari guru besar mempengaruhi amalan PLC guru sekolah rendah di Kuala Lumpur.

### **Kajian Literatur**

Kepimpinan lestari muncul sebagai pendekatan kepimpinan yang menekankan kesinambungan impak positif, moral dan tujuan jangka panjang dalam organisasi pendidikan. Hargreaves dan Fink (2006) menekankan bahawa kepimpinan yang lestari bukan sekadar memenuhi kejayaan jangka pendek, sebaliknya membina kapasiti organisasi, memupuk kepelbagaian serta memastikan kelangsungan perubahan walaupun berlaku pertukaran pemimpin. Prinsip ini menjadi penting dalam konteks pendidikan abad ke-21 yang sarat dengan cabaran kompleks kerana kepimpinan lestari menyediakan kerangka moral, sosial dan struktur yang menjamin daya tahan sekolah untuk terus berkembang.

Kajian antarabangsa dan tempatan menunjukkan pola yang konsisten bahawa kepimpinan lestari berkait rapat dengan peningkatan kapasiti guru, komitmen warga sekolah dan hasil pembelajaran murid (Hasrizal et al., 2023; Shahrulazman & Mahaliza, 2024). Walaupun fokus kajian berbeza, terdapat kajian yang menekankan pengurusan pengetahuan organisasi sebagai mediator (Shahrulazman & Mahaliza, 2024) dan ada pula yang melihat hubungan terus dengan komitmen guru (Hasrizal et al., 2023). Kedua-dua dapatan kajian ini mengesahkan bahawa kepimpinan lestari berfungsi sebagai asas kepada pembelajaran profesional guru. Justeru, dapatan ini menyokong dapatan awal Hargreaves dan Fink (2006) tetapi dalam masa yang sama membuka ruang untuk meneroka bagaimana dimensi tertentu misalnya menghargai aset atau melahirkan pemimpin pelapis dapat memberikan kesan berbeza terhadap amalan di sekolah rendah bandar seperti Kuala Lumpur.

Seiring dengan itu, konsep Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) diperkenalkan sebagai mekanisme yang menyokong pembangunan profesional guru. Hord (1997) dan DuFour (2004) menegaskan bahawa PLC yang berkesan dicirikan oleh perkongsian visi, budaya kolaborasi, refleksi berterusan dan penekanan kepada keputusan. Penekanan ini diterjemahkan dalam dasar pendidikan Malaysia, khususnya melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, yang meletakkan PLC sebagai salah satu strategi utama untuk meningkatkan profesionalisme guru. Namun, penyelidikan tempatan menunjukkan jurang yang nyata antara dasar dan pelaksanaan. Kajian-kajian lapangan mendapati pelaksanaan PLC masih terhalang

oleh faktor seperti kekangan masa, komitmen guru yang tidak sekata, serta sokongan kepimpinan yang berubah-ubah (Tahir & Musah, 2020; Goh, 2023).

Menariknya, terdapat keseragaman dalam dapatan bahawa kepimpinan sekolah adalah penentu utama keberkesanan PLC. Kajian oleh Goh (2023) menekankan bahawa keberkesanan PLC sangat dipengaruhi oleh faktor struktur dan persepsi guru, manakala Tahir dan Musah (2020) menegaskan pentingnya sokongan kepimpinan bagi mengatasi cabaran masa dan sikap guru. Dalam konteks berbeza, Khan, Razak dan Kenayathulla (2021) mendapati bahawa kepercayaan dalam kalangan guru berfungsi sebagai faktor penghubung yang memperkukuh keberkesanan PLC dan elemen kepercayaan ini sangat berkait dengan gaya kepimpinan sekolah.

Secara kesimpulan, literatur-literatur lepas menunjukkan pola yang konsisten bahawa kepimpinan lestari guru besar memberi kesan langsung kepada amalan PLC. Namun begitu, mekanisme dan dimensi yang menyumbang kepada kesan tersebut masih pelbagai dan bergantung pada konteks. Kajian luar bandar (Hasrizal et al., 2023; Tahir & Musah, 2020) menekankan sokongan struktural dan komitmen guru, manakala kajian bandar (Shahrulazman & Mahaliza, 2024; Goh, 2023) melihat aspek pengurusan pengetahuan, inovasi dan struktur organisasi. Walaupun terdapat bukti positif, masih wujud jurang dalam memahami bagaimana kepimpinan lestari guru besar di sekolah rendah seperti di Kuala Lumpur memacu keberkesanan PLC dalam konteks cabaran demografi, beban kerja dan budaya profesional guru.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*). Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur persepsi, tahap amalan serta pengaruh antara pemboleh ubah yang dikaji dalam satu tempoh masa tertentu. Pendekatan tinjauan juga membolehkan data dikumpulkan daripada bilangan responden yang besar, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian (Creswell, 2014).

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di Kuala Lumpur. Seramai 380 orang guru telah dipilih sebagai responden kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Kaedah ini dipilih bagi memberi peluang yang sama kepada setiap guru dalam populasi untuk dipilih di samping meminimumkan bias pemilihan. Saiz sampel ditentukan berdasarkan saranan Krejcie dan Morgan (1970) yang mencadangkan bilangan sampel yang mencukupi untuk populasi besar melebihi 10,000 orang.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik dengan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju) telah digunakan bagi mengukur pemboleh ubah kajian. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Kepimpinan Lestari Guru Besar dan Bahagian C: Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC). Kesahan kandungan instrumen telah ditentukan melalui semakan pakar melibatkan pensyarah bidang kepimpinan pendidikan dan guru besar berpengalaman.

Dalam kajian ini, data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27.0. Analisis yang digunakan adalah Statistik deskriptif meliputi min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan bagi menerangkan profil responden, tahap kepimpinan lestari, dan tahap amalan PLC. Seterusnya Analisis Regresi Linear Berganda melalui kaedah *stepwise* digunakan untuk menentukan pengaruh kepimpinan lestari (pemboleh ubah bebas) terhadap amalan PLC (pemboleh ubah bersandar).

## Dapatan Kajian

### Tahap Kepimpinan Lestari Guru Besar

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kepimpinan lestari guru besar sekolah rendah di Kuala Lumpur berada pada tahap tinggi. Nilai min keseluruhan bagi konstruk kepimpinan lestari melepasi skor 4.00 dengan sisihan piawai yang rendah, menandakan persepsi guru terhadap amalan kepimpinan lestari guru besar adalah positif dan konsisten. Dimensi yang mendapat skor tertinggi ialah Pembelajaran Berterusan, Budaya Perkongsian Pembelajaran, Kepelbagaian Sumber, Menghargai Aset, Melahirkan Pemimpin Pelapis, Hubungan dengan Persekitaran dan Pemeliharaan. Jadual 1 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi ketujuh-tujuh dimensi kepimpinan lestari guru besar dan dimensinya.

**Jadual 1: Tahap Kepimpinan Lestari Guru Besar dan Dimensinya**

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pembelajaran Berterusan	4.21	0.60	Sangat Tinggi
Melahirkan Pemimpin Pelapis	4.13	0.64	Tinggi
Budaya Perkongsian Pembelajaran	4.20	0.69	Tinggi
Hubungan dengan Persekitaran	4.12	0.64	Tinggi
Kepelbagaian Sumber	4.16	0.64	Tinggi
Pemeliharaan	4.12	0.62	Tinggi
Menghargai Aset	4.16	0.68	Tinggi

### Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) Guru

Bagi amalan PLC, hasil analisis deskriptif juga mendapati tahap pelaksanaannya berada pada tahap tinggi. Min keseluruhan bagi konstruk PLC melepasi skor 4.00, dengan dimensi Perkongsian Nilai, Matlamat, Misi dan Visi mencatatkan nilai yang paling tinggi diikuti oleh Dimensi Perkongsian Amalan Personal, Pembelajaran Secara Kolektif, Sokongan Organisasi dan yang terakhir adalah dimensi Kepimpinan yang Berkongsi dan Menyokong. Jadual 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi kelima-lima dimensi amalan Komuniti Pembelajaran Profesional.

**Jadual 2: Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional dan Dimensi-Dimensinya**

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kepimpinan yang Berkongsi dan Menyokong	4.16	0.65	Tinggi
Perkongsian Nilai, Matlamat, Misi dan Visi	4.20	0.64	Tinggi
Pembelajaran Secara Kolektif	4.17	0.66	Tinggi
Perkongsian Amalan Personal	4.19	0.65	Tinggi
Sokongan Organisasi	4.17	0.65	Tinggi

### Pengaruh Kepimpinan Lestari Guru Besar

Melalui analisis regresi linear berganda melalui kaedah stepwise telah mengesahkan bahawa kepimpinan lestari merupakan peramal signifikan terhadap amalan PLC. Model regresi yang dibina menjelaskan peratusan varian yang tinggi dalam amalan PLC dengan dimensi Menghargai Aset dan Budaya Perkongsian Pembelajaran memberi sumbangan terbesar terhadap amalan PLC guru. Seterusnya, dimensi Melahirkan Pemimpin Pelapis, Pemeliharaan dan Hubungan Dengan Persekitaran juga mencatatkan peratusan varian yang tinggi dan memberi sumbangan terhadap amalan PLC guru di sekolah. Jadual 3 menunjukkan analisis regresi stepwise telah mengenal pasti lima dimensi kepimpinan lestari yang menjadi peramal

signifikan terhadap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) guru sekolah rendah di Kuala Lumpur.

**Jadual 3: Analisis Regresi Pelbagai Stepwise Bagi Pemboleh Ubah Kepimpinan Lestari Yang Menjadi Peramal Kepada Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru**

Pemboleh Ubah Bebas (x)	B	Beta ( $\beta$ )	R <sup>2</sup>	T	Sig.t	Sumbangan %
Menghargai Aset	.276	.315	.698	6.884	.001	69.8
Budaya Perkongsian Pembelajaran	.208	.240	.768	4.822	.001	76.8
Melahirkan Pemimpin Pelapis	.160	.173	.789	3.654	.001	78.9
Pemeliharaan	.123	.127	.796	2.458	.014	79.6
Hubungan Dengan Persekitaran	.106	.114	.799	2.255	.025	79.9

### Perbincangan Dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kepimpinan lestari guru besar di Kuala Lumpur berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru besar berjaya menerapkan prinsip-prinsip kepimpinan lestari yang menekankan pembangunan berterusan, perkongsian pembelajaran, pemeliharaan nilai dan hubungan dengan persekitaran. Dapatan kajian ini secara teorinya menyokong kerangka Hargreaves dan Fink (2006) yang menekankan kepimpinan lestari sebagai usaha membina kapasiti dan daya tahan organisasi pendidikan. Dalam konteks sekolah rendah bandar, penekanan kepada dimensi pembelajaran berterusan dan budaya perkongsian pembelajaran membuktikan bahawa guru besar mengutamakan kelestarian pengetahuan serta pemerksaan guru sebagai aset strategik sekolah.

Tahap amalan PLC guru juga dilaporkan tinggi khususnya pada dimensi perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi. Keadaan ini menggambarkan wujudnya visi yang jelas dalam kalangan guru bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Keselarasan visi ini bertepatan dengan kerangka PLC Hord (1997) yang menekankan bahawa pembelajaran kolektif dan perkongsian matlamat bersama adalah asas kepada budaya profesional yang mapan. Namun, skor lebih rendah pada dimensi sokongan organisasi mencerminkan cabaran praktikal yang sering dihadapi dalam dasar pelaksanaan PLC iaitu keperluan masa, struktur organisasi yang menyokong serta sokongan kepimpinan yang konsisten. Dapatan ini memberi implikasi dasar bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menekankan bukan sahaja polisi pelaksanaan PLC, tetapi juga perlu menyediakan sumber dan sokongan struktur agar PLC benar-benar berfungsi sebagai mekanisme pembangunan profesional berterusan.

Selain itu, analisis regresi membuktikan bahawa kepimpinan lestari guru besar merupakan peramal signifikan terhadap amalan PLC. Lima dimensi utama kepimpinan lestari iaitu menghargai aset, budaya perkongsian pembelajaran, melahirkan pemimpin pelapis, pemeliharaan dan hubungan dengan persekitaran menjadi penentu keberkesanan PLC. Sumbangan terbesar daripada dimensi menghargai aset dan budaya perkongsian pembelajaran menunjukkan bahawa keberkesanan PLC bertumpu kepada sejauh mana kepakaran guru dihargai serta pengetahuan digunakan secara maksimum. Hal ini selari dengan kerangka teori modal sosial yang menegaskan bahawa pertukaran pengetahuan, kepercayaan dan jaringan sosial dalam organisasi merupakan asas kepada pembelajaran kolektif (Stoll et al., 2006). Rajah 1 menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu Kepimpinan Lestari dengan pemboleh ubah bersandar iaitu Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC).



**Rajah 1: Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas Dengan Pemboleh Ubah Bersandar**

Dari perspektif implikasi dasar, dapatan ini memberikan beberapa saranan penting. Pertama, latihan kepimpinan guru besar perlu memasukkan komponen kepimpinan lestari secara formal agar kepemimpinan mereka bukan sahaja berkesan dalam jangka pendek, tetapi juga membina kapasiti guru dan organisasi untuk jangka panjang. Kedua, PPPM 2013–2025 boleh diperkukuh dengan garis panduan lebih jelas tentang bagaimana kepimpinan lestari boleh dijadikan tonggak pelaksanaan PLC khususnya di kawasan bandar yang menghadapi cabaran kepelbagaian demografi dan beban kerja guru. Ketiga, hasil kajian ini memberi gambaran bahawa dasar pembangunan profesional guru perlu memberi fokus bukan sahaja kepada amalan PLC, tetapi juga gaya kepimpinan dalam sesebuah organisasi.

Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa keberkesanan PLC sangat dipengaruhi oleh kepimpinan guru besar. Apabila guru besar menekankan kelestarian, membina kepercayaan dan memperkukuh kapasiti guru, PLC bukan sahaja dapat diperkukuh tetapi juga mampu bertahan dalam jangka panjang. Hal ini memperkukuh pandangan bahawa kepimpinan lestari adalah satu bentuk kepimpinan strategik yang boleh meningkatkan kualiti pembangunan profesional guru, menyumbang kepada kesejahteraan organisasi sekolah dan akhirnya dapat menyumbang kepada pencapaian murid dengan lebih baik.

## Rujukan

- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, Quantitative And Mixed Methods Approach (4th ed.)* (4th Edition). SAGE Publications.
- DuFour, R. (2004). What is a Professional Learning Community? *Educational Leadership*, 61(8), 6–11.
- DuFour, R., & Eaker, R. (1998). *Professional Learning Communities at Work: Best Practices for Enhancing Student Achievement*. Solution Tree Press.
- Fullan, M. (2005). *Leadership & Sustainability: System Thinkers in Action*. Corwin Press.
- Goh, K. M. (2022). Exploring Professional Learning Community Effectiveness Through Thematic Analysis, Fuzzy Delphi Method, and Interpretive Structural Modeling in Malaysian Primary School Context. *Journal of Research, Innovation, and Strategies for Education (RISE)*, 2(2).
- Hargreaves, A. (2011). *The Fourth Way: The Inspiring Future for Educational Change*. Corwin Press.
- Hargreaves, A., & Fink, D. (2006). *Sustainable Leadership*. Jossey-Bass.
- Hasrizal Abdul Rahim, Mohd Izham Mohd Hamzah, & Aida Hanim A. Hamid. (2023). Sustainable Leadership Practices Among Schools Principals And Their Relationship With Teacher Commitment in Malaysia Rural School. *Jurnal Sains Sosial & Kemanusiaan*, 20(4), 129–140.
- Hord, S. M. (1997). *Professional Learning Communities: Communities of Continuous Inquiry and Improvement*. Southwest Educational Development Laboratory.
- How K.T, & Mohd Zaki Ishak. (2021). Empowering Teachers Commitment: How Do Six Dimensions of Sustainable Leadership Play a Role? *Management Research Journal*, 10(2).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*.
- Khan, M. H., Razak, A. Z., & Kenayathulla, H. B. (2021). Professional Learning Community, Trust and Teacher Professional Development in Malaysian Secondary Schools. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 25–37.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Louis, K. S., Marks, H. M., & Kruse, S. (1996). Teachers' Professional Community in Restructuring Schools. *American Educational Research Journal*, 33(4), 757–798.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory (3rd ed.)* (3rd Edition). McGraw-Hill.
- Shahrulazman Abd Raub, & Mahaliza Mansor. (2024). Pengurusan Pengetahuan Organisasi Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Kepimpinan Lestari Guru Besar dan Tingkah Laku Inovatif Pengajaran Guru di Sekolah Rendah (TS25) Pahang. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 37–48.
- Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M., & Thomas, S. (2006). Professional Learning Communities: A Review of TheLiterature. *Journal of Educational Change*, 7(4), 221–258.
- Tahir, L. M., & Musah, M. B. (2020). Implementing Professional Learning Community in Rural Malaysian Primary Schools: Exploring Teacher Feedback. *International Journal of Management in Education*, 14(4), 422–451.